

PSRUMS anjur program 'Meet & Greet PRS'

UB 25 April 2019 B2

KOTA KINABALU: Kelab Pembimbing Rakan Siswa Universiti Malaysia Sabah (PSRUMS) mengadakan program 'Meet & Greet PRS' bersama Pembimbing Rakan Sebaya Sekolah Tinggi Kota Kinabalu (PRS STKK) pada 6 April 2019 bertempat di Sekolah Tinggi Kota Kinabalu.

Tujuan utama program adalah untuk memperkenalkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di samping fungsi PR-SUMS serta merapatkan hubungan antara PRSUMS dan PRS STKK.

Program melibatkan lapan ahli Pembimbing Rakan Siswa dari PR-SUMS serta 36 ahli PRS STKK Sabah itu dimulakan dengan sesi ceramah mengenai pengenalan UMS dan fungsi PRSUMS yang disampaikan oleh Vicknesh Nadrajah, pemantau pelajar bagi Kelab PRS.

Selepas itu, sesi diteruskan lagi dengan aktiviti PRS Duty Workshop yang dikendalikan oleh Anasakina Ismail yang juga pemantau pelajar bagi kelab itu.

Kemudian, aktiviti diselitkan dengan beberapa aktiviti 'team building' bagi menguji kecekapan para pelajar STKK untuk mengatasi sesuatu masalah.

Program berakhir pada jam 12 tengah-hari dengan penyampaian cenderahati kepada pihak sekolah STKK.

Turut hadir ialah guru bimbingan dan kaunseling PRS STKK Moham-med Lutfi Mohd Kalid bagi menyampaikan ucapan dan tanda penghargaan beliau dalam majlis penutupan berkenaan.

"Saya sangat berterimakasih kepada pelajar UMS kerana sudi mengadakan program bersama-sama kami. Ini

adalah kali pertama pihak UMS mengadakan program di sini.

"Saya sangat gembira kerana pelajar UMS sangat memberi kerjasama walaupun mereka sendiri mempunyai komitmen dengan program yang lain," katanya.

Dalam masa yang sama, program itu mendapat reaksi yang positif daripada guru-guru serta ahli PRS STKK. Mereka menyatakan hasrat untuk mengadakan lawatan ke UMS serta ingin berkolaborasi dalam melakukan aktiviti bersama pada program kepimpinan mereka pada masa akan datang.

Diharapkan pada masa akan datang program-program sedemikian dapat diteruskan lagi agar hubungan antara PRSUMS dan organisasi luar dapat dipertingkatkan.



SESI fotografi PRSUMS bersama penasihat dan ahli PRS STKK.